

PENGURUSAN PEKERJA ASING DI MALAYSIA

Oleh:

Cik Ratana Sarimin

Puan Muji Hassim

Cik Siti Noraida Mohd Uder @ Shuhaimi

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang aktif dan dinamik dari segi ekonomi dan mempunyai sejarah yang tersendiri didalam menarik pekerja asing untuk menyumbang kepada pembangunannya yang merentasi pelbagai sektor. Pengurusan pekerja asing di Malaysia merupakan satu cabaran dalam aspek ekonomi, kesejahteraan sosial dan kawal selia. Artikel ini akan memberikan gambaran ringkas pengurusan pekerja asing di Malaysia daripada sejarah, rangka kerja dasar dan isu kontemporari.

Sejarah pekerja asing di Malaysia bermula sejak era sebelum kemerdekaan lagi, di mana pekerja asing memainkan peranan penting dalam membentuk landskap awal ekonomi negara. Penajah British telah membawa pekerja migran dari China dan India bagi memenuhi keperluan ekonomi mereka di sektor perlombongan bijih timah dan penanaman getah. Konteks sejarah ini telah meletakkan asas kepada masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Sebagai sebuah negara perindustrian yang pesat membangun, Malaysia secara konsisten mencari tenaga kerja asing bagi menampung keperluan tenaga kerja dalam industri utama seperti pembinaan, pembuatan, pertanian dan perkhidmatan.

Isu yang berkaitan dengan pekerja tanpa dokumen, eksloitasi buruh dan keimbangan hak asasi manusia telah lama berterusan, lantas mendorong usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan mekanisme kawal selia dan memperbaiki situasi pekerjaan.



Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif untuk menangani eksplorasi pekerja asing, keselamatan pekerjaan, penginapan dan perumahan pekerja serta menangani isu pekerja asing tanpa izin.

Pada abad ke-21, Malaysia terus bergelut dengan landskap pengurusan pekerja asing yang semakin kompleks. Peralihan politik dan ekonomi negara serta impak global seperti pandemik COVID-19 telah menambah dimensi baru kepada kerumitan untuk mengawasi tenaga buruh asing. Namun begitu, Malaysia masih menjadi antara negara tumpuan untuk pekerja asing berkemahiran rendah di Asia Tenggara.

Pengurusan Pekerja Asing Secara Umum

Pengurusan pekerja asing di negara-negara penerima memerlukan tindakan proaktif dan kepatuhan kepada dasar dan undang-undang yang berkaitan di negara tersebut. Pematuhan etika pengurusan pekerja asing bukan sahaja akan memastikan kepatuhan undang-undang, tetapi juga dapat membentuk persekitaran kerja yang positif dan produktif. Secara asasnya terdapat sepuluh (10) aspek utama di dalam pengurusan pekerja asing yang dikenalpasti daripada proses perekrutan, penstafan dan repatriasi ke negara asal yang perlu diambil perhatian seperti berikut:

Rajah 1: Aspek utama di dalam pengurusan pekerja asing

1	Permohonan Visa dan Permit Pekerja Asing	6	Pematuhan Undang-Undang
2	Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerja	7	Hubungan Pekerja dan Majikan
3	Kontrak Pekerja dan Hak Pekerja	8	Penyelesaian Konflik
4	Gaji dan Faedah Pekerjaan	9	Kesejahteraan Sosial
5	Pendidikan dan Latihan	10	Pemulangan Pekerja Asing



Pengurusan Pekerja Asing Berkemahiran Rendah Di Malaysia.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) merupakan agensi utama pengurusan pekerja asing berkemahiran rendah di Malaysia selain daripada agensi kawal selia (AKS) yang terdiri daripada Kementerian atau Jabatan yang terlibat mengawal selia sektor atau subsektor industri tersebut.

Jadual 1: Agensi Kawal Selia dan Sektor

Agenzia Kawal Selia (AKS)	Sektor
1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	MITI
2. Jabatan Mineral dan Geosains	JMG
3. Kementerian Perdagangan dan Komoditi	KPK
4. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	CIDB
5. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	KPKM
6. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	MOTAC
7. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Restoran, Pembersihan dan Pencucian)	KPDN
8. Kementerian Pengangkutan (Pengendalian Kargo)	MOT
9. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	JTKSM

KDN mempunyai peranan dalam hal ehwal imigresen termasuk dasar migrasi, dasar visa dan pas, kawalan pintu masuk negara, keselamatan negara, ketenteraman awam dan pengurusan teknologi maklumat berkaitan imigresen. Manakala KSM pula selaku peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara bertanggungjawab untuk mengubal dasar perburuhan negara, memantau pematuhan akta-akta perburuhan, menguruskan perjanjian bilateral dengan negara sumber serta menguruskan sistem berkaitan permohonan penggajian pekerja asing.



Penggajian pekerja asing berkemahiran rendah di Malaysia adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan industri dalam negara bagi enam (6) sektor utama iaitu perkhidmatan, pembinaan, pembuatan, pertanian dan perladangan, serta perlombongan dan pengkuarian. Hanya sembilan (9) subsektor perkhidmatan dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing berkemahiran rendah iaitu restoran (tukang masak dan kru restoran), pembersihan dan pencucian, *resort*, spa, borong dan runcit, pusat urut kaki, kedi (lelaki sahaja) dan pengendalian kargo. Malaysia mempunyai seramai 15 negara sumber iaitu Indonesia, India, Bangladesh, Nepal, Thailand, Myanmar, Kemboja, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, Turkmenistan, Uzbekistan dan Kazakhstan.

Kadar bayaran levi tahunan pekerja asing di Malaysia menggunakan modul satu peringkat sahaja tetapi mempunyai perbezaan kadar di antara sektor pertanian dan bukan pertanian. Jadual 2 adalah kadar levi tahunan mengikut sektor.

Jadual 2: Kadar Levi Tahunan Mengikut Sektor

Sektor	Kadar Levi Setahun Semenanjung Malaysia (RM)
Perkilangan	1,850.00
Pembinaan	1,850.00
Perlادangan	640.00
Pertanian	640.00
Perlombongan dan Pengkuarian	1,850.00
Perkhidmatan	1,850.00

Sumber: Kementerian Dalam Negeri (KDN)



Proses penggajian pekerja asing berkemahiran rendah di Malaysia hanya melibatkan tiga (3) proses utama iaitu permohonan, penggajian dan penghantaran pulang. Jadual 3 menunjukkan proses pengurusan pekerja asing di Malaysia.

Jadual 3: Proses Pengurusan Penggajian Pekerja Asing

Proses Utama	Perkara
1. Permohonan Pekerja Asing	<ul style="list-style-type: none">i. Majikan mengiklankan kekosongan jawatan di portal MyFutureJobs;ii. Saringan kelayakan majikan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) atau Pejabat Tenaga Kerja (PTK) untuk mengesahkan kewujudan majikan, pematuhan undang-undang perburuhan, kemudahan penginapan pekerja asing dan kesahan operasi majikan;iii. Temuduga majikan dan syor kuota oleh AKS;iv. Kelulusan kuota;v. Saringan negara sumber berkaitan kelayakan kesihatan dan pengesahan kehadiran;vi. Visa perjalanan menggunakan Visa Dengan Rujukan (VDR); danvii. Pemeriksaan kesihatan Foreign Worker's Medical Examination (FOMEMA).
2. Penggajian Pekerja Asing	Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)
3. Penghantaran Pulang Pekerja Asing	Memo Periksa Keluar [Check Out Memo (COM)]

Sumber: KSM dan KDN

Isu Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia

Terdapat pelbagai isu pengurusan pekerja asing di Malaysia yang sering dibincangkan di dalam negara atau di peringkat antarabangsa. Isu utama pengurusan pekerja asing yang kerap dibangkitkan melalui media sosial atau media elektronik seperti berikut:



Rajah 2: Isu utama pengurusan pekerja asing



Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah untuk menangani isu pengurusan pekerja asing termasuk mewujudkan undang-undang dan peraturan baharu. Walau bagaimanapun, usaha berterusan adalah perlu untuk setiap langkah yang diambil bagi menjamin hak dan kesejahteraan pekerja asing di negara ini.

Sistem Pengurusan Pekerja Asing Di Malaysia

Pengurusan pekerja asing di Malaysia dikawal selia oleh KDN dan KSM melalui beberapa dasar dan sistem yang diuruskan oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian masing-masing. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) di bawah KSM menguruskan permohonan pekerja asing. Pada permulaannya permohonan pekerja asing dibuat secara manual.



Pada 2012 permohonan secara dalam talian diperkenalkan melalui Sistem Permohonan Pekerja Asing (ePPA). Sistem ini memudahkan proses permohonan selain daripada menjadi alat pemantauan secara dalaman JTKSM. Seterusnya KDN telah melaksanakan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) bagi aktiviti saringan pengesahan kehadiran dan kelayakan, pemeriksaan kesihatan, serta permohonan Visa Dengan Rujukan (VDR). Kedua-dua sistem ini telah melalui beberapa penambahbaikan.

Secara keseluruhannya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui kedua-dua sistem ini telah menawarkan modul yang mencakupi seluruh aktiviti pengurusan pekerja asing, yang bermula dari proses permohonan sehingga tamat tempoh penggajian dan penghantaran pulang ke negara asal.

Walaupun kedua-dua sistem ini kelihatan menyeluruh dalam mengendalikan pengurusan penggajian pekerja asing, namun Laporan Audit Pengurusan Pekerja Asing Malaysia tahun 2022 menggambarkan kekurangan yang signifikan yang memerlukan penambahbaikan segera. Pihak audit telah mengemukakan tindakan seperti berikut:

- i. KSM dan KDN hendaklah berbincang dan memutuskan pihak yang akan bertanggungjawab penuh terhadap sistem pengurusan pekerja asing tanpa mengabaikan keperluan semua pihak berkepentingan. Sistem yang digunakan hendaklah mempunyai ciri-ciri **Interoperability**, **Scalability** dan **Sustainability** bagi melaksanakan proses pengurusan pekerja asing dengan lancar dalam memastikan pengurusan, pemantauan dan kawalan terhadap pekerja asing dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- ii. KSM dan KDN hendaklah melaksanakan proses pengurusan pekerja asing yang cekap, telus dan berintegriti merangkumi semua proses pengurusan pekerja asing yang berlaku di dalam dan di luar sistem. Proses ini perlu mengambil kira keperluan hak, had, bidang kuasa dan fungsi semua agensi Kerajaan berkaitan selaras dengan dasar semasa Kerajaan dan akta masing-masing bagi memastikan pengurusan, pemantauan dan kawalan pekerja asing yang berkesan.



- iii. KSM dan KDN perlu memastikan sistem yang digunakan/diuruskan mempunyai kawalan penetapan had kuota sebagai mekanisme kawalan kelulusan pekerja asing mengikut keperluan guna tenaga negara; dan
- iv. KSM dan KDN hendaklah memastikan tadbir urus pembangunan/pelaksanaan sistem pengurusan pekerja asing mematuhi peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa bagi menjamin hak dan kepentingan Kerajaan serta keselamatan negara.

Rumusan

Isu-isu yang berkaitan dengan pekerja asing di Malaysia adalah multidimensi dengan melibatkan pelbagai cabaran. Beberapa isu-isu utama yang telah dikenalpasti adalah seperti dalam Laporan Audit 2022 mengenai Pengurusan Pekerja Asing. Laporan tersebut menunjukkan kelemahan yang signifikan dalam sistem-sistem yang sedia ada. Walaupun sistem-sistem untuk menguruskan penggajian pekerja asing kelihatan holistik, terdapat kekurangan serius yang memerlukan perhatian dan penambahbaikan segera. Sistem-sistem ini merupakan ekosistem di dalam pengurusan pekerja asing, tetapi apabila sistem-sistem ini tidak menjalankan fungsinya dengan betul, gangguan ke atas pengurusan pekerja asing telah bermula dan ada pihak yang telah mengambil kesempatan. Menyusuri perkembangan terkini dan inisiatif Kerajaan di dalam pengurusan pekerja asing, terdapat perkembangan positif ke atas penambahbaikan pengurusan pekerja asing berkemahiran rendah di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

Kementerian Sumber Manusia, www.mohr.gov.my

Kementerian Dalam Negeri, www.moha.gov.my

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022: Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAX) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS).

PENAFIAN: Artikel ini tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

